

## **PENGALAMAN BERHARGA DI PERKAMPUNGAN HIOKI**

Oleh: Salsabilah binti Mansor, 1172403,  
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
*Disiarkan pada 1 Ogos 2020*



Ibu dan nenek angkat di Hioki.

Dengan izin Allah SWT, saya dan beberapa orang rakan berpeluang menjejakkan kaki di Hioki, Kagoshima, Jepun dan tinggal selama tiga hari dan dua malam bersama keluarga angkat di sana.

Memang seronok berada di kawasan perkampungan yang indah dengan pemandangan yang indah dan mententeramkan jiwa.

Laut terbentang luas, langit biru, sawah padi kuning bercampur hijau dan bukit-bukau sebagai latar.

Terdahulu, kami tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Fukuoka di Jepun pada pukul 9 pagi, 26 Disember 2019 dan seterusnya berehat semalam di sebuah rumah penginapan di bandar itu.

Pada pagi keesokannya, kami ke stesen kereta api Tenjin bagi meneruskan perjalanan ke Kagoshima. Kami perhatikan orang Jepun memang sangat menepati masa bahkan kereta api tiba dua minit lebih awal daripada masa yang dijadualkan.

Mereka juga sangat tertib dan memberi laluan kepada penumpang yang ingin keluar terlebih dahulu sebelum memasuki kereta api dengan pantas.

Ketibaan kami di stesen Satsumasendai disambut pegawai Kedutaan Besar Malaysia di Jepun yang lebih mesra dengan panggilan Kak Huda. Seterusnya kami dibawa ke Hioki dengan menaiki bas mini yang disewa khas oleh Universiti Hioki.

Sepanjang perjalanan ke pusat pertemuan keluarga angkat, kami dapat melihat keindahan alam semulajadi yang Allah SWT jadikan terbentang luas. Saya sangat kagum melihat ombak beralun-alun menyapa pantai Hioki.

Hampir 50 peratus penduduk Hioki bekerja sebagai petani. Walaupun, jumlah penduduknya ramai, masalah kesesakan lalu lintas seolah-olah tidak wujud di sana.

Pengguna-pengguna jalan raya di sana sentiasa mematuhi peraturan lalu lintas. Sebaik sahaja lampu isyarat lalu lintas bertukar ke warna kuning, mereka bersedia untuk memberhentikan kenderaan.

Sangat berbeza dengan sikap segelintir pemandu di Kuala Lumpur yang memecut laju semata-mata tidak mahu memberhentikan kenderaan apabila lampu isyarat bertukar ke warna merah.

Kami disambut dengan majlis yang ringkas tetapi meriah di pusat bandar Hioki. Kemudian saya dibawa oleh ibu angkat yang bernama Yuki-san ke rumahnya yang terletak di atas bukit.

Wanita itu tinggal berdua di rumah itu dengan ibunya, Oni-san. Mereka hidup dalam keadaan serba sederhana.

Sepanjang berada di Hioki, kami dan keluarga angkat saling mempelajari tentang budaya dan adat resam masing-masing. Dalam waktu yang singkat itu, kami sempat mengajar mereka bermain batu seremban, karom, tudung *meknet* serta sepak takraw.



Bersama dengan kawan-kawan ibu angkat saya.

Pada malam terakhir, ibu angkat menjemput kawan-kawannya datang ke rumah untuk majlis perpisahan sebelum saya pulang ke tanah air keesokannya.

Saya dapat melihat sendiri betapa mesranya orang Jepun meraikan tetamu, malah layanan yang diberikan adalah lebih istimewa daripada ahli keluarga mereka sendiri.

Kini, saat-saat bersama ibu angkat di Hioki hanya dapat diimbau dalam kenangan dan saya sentiasa menyimpan impian untuk kembali ke sana sekali lagi bila berkesempatan.